

**NO. SOALAN : 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**  
**BELAS PENGGAL KEDUA MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Haji Mahfuz Bin Omar**  
**[ Pokok Sena ]**

**TARIKH : 19 Jun 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [ Pokok Sena ] Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah manfaat yang diganti kepada peneroka FELDA selepas FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) mengambil alih kesemua ekuiti di dalam FELDA Holdings Berhad yang sebelum ini dimiliki peneroka FELDA melalui Koperasi Permodalan FELDA Berhad (KPF).**

**JAWAPAN : YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM, TIMBALAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, hasil perolehan daripada transaksi pengambilalihan 51% ekuiti milik Koperasi Permodalan FELDA (KPF) dalam FELDA Holdings Berhad (FHB) oleh FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) telah memberi peluang kepada KPF untuk “*Unlock*” nilai pelaburan dan menyediakan dana untuk melabur dalam bidang-bidang pelaburan atau perniagaan yang berdaya maju.

Sebahagian daripada perolehan daripada transaksi tersebut telahpun dilaburkan dengan mengambil sebanyak 5% ekuiti di dalam FGV, manakala selebihnya dalam proses akhir untuk dilaburkan dalam bidang-bidang berpotensi seperti perladangan, harta tanah dan hotel, dan usahasama pelaburan. Kesemua pelaburan tersebut mampu memberi pulangan yang optimum bagi membolehkan bayaran dividen yang baik dan konsisten kepada anggota-anggota KPF yang mana majoritinya adalah warga peneroka.

Sekian. Terima kasih.